

**BAB PERTAMA**  
**PENDAHULUAN**

## 1.1 TUJUAN PENULISAN DAN PENYIUDIKAN.

Penulisan kertas Projek ini berdasarkan beberapa tujuan, antaranya ialah:

- i. Tujuan utama yang mendorong penulis untuk menulis tajuk ini kerana penulis merasakan bahawa syahadah merupakan perkara pokok dalam Islam dan ia merupakan rukun pertama dalam Rukun Islam.
- ii. Ramai masyarakat Islam yang hanya pandai menyebut kalimah ini di bibir mereka sahaja, ada yang menyebut beribu-ribu kali sehari semalam tetapi malangnya mereka ini tidak mengetahui dan memahami akan syarat-syarat dan tuntutan sebenarnya dari kalimah ini. Kerana itulah penulis cuba membentangkan tajuk ini.
- iii. Seseorang muslim yang dikatakan telah beriman ialah seorang yang benar-benar dapat memahami serta menghayati bukan sahaja dari segi sebutan bahkan juga keyakinan hati akan pengertian yang dibawa oleh kalimah ini. Ini kerana kesemua tiang-tiang Islam dan rukun-rukun Iman itu berasaskan kepada kalimah ini dan punca segala ajaran itu adalah dari Allah s.w.t.
- iv. Kalimah ini juga merupakan asas bagi suatu cara hidup yang lengkap, menyeluruh lagi terperinci untuk masyarakat Islam.

Cara hidup sedemikian tidak akan wujud tanpa terlebih dahulu memahami akan kehendak-kehendak syahadah ini. Kerana itulah penulis rasa berminat untuk membentangkan tajuk ini untuk kepentingan penulis sendiri khususnya dan masyarakat Islam umumnya.

v. Penulis mengkhususkan Syahadah Mengikut Muhammad bin 'Abdul Wahhab dalam kajian 'ilalah ini kerana ingin melihat sejauhmanakah perjuangan beliau dalam menegakkan kalimah ini. Juga ingin melihat perjuangan beliau dalam menegakkan da'wah Islamiah yang amat besar nilainya kepada masyarakat Islam.

vi. Untuk memenuhi syarat keperluan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin Sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Fakulti Usuluddin Akedemi Islam Universiti Malaya.

## 1.2 PEMBENTANGAN MASALAH DAN DEFINISI KONSEP

Sebelum penulis membicarakan dengan lebih panjang berkenaan dengan tajuk ini, izinkan penulis memberikan penjelasan secara ringkas mengenai beberapa konsep yang terdapat di dalam tajuk "SYAHADAH: TUNTUTAN DAN PERANANNYA DALAM PEMBENTUKAN PERIBADI MUSLIM MENGIKUT MUHAMMAD BIN 'ABDUL WAHHAB".

Istilah syahadah: Penulis maksudkan syahadah di dalam perbincangan ini iaitu syahadah La ilaha illallah, Muhammadur Rasulullah. Kalimah ini merupakan rukun yang pertama dalam Rukun Islam yang Lima. Ini sebagaimana sabda Nabi s.a.w yang bermaksud:

Islam itu dibina di atas lima perkara iaitu pengakuan (syahadah) bahawa tiada Tuhan yang disembah selain Allah dan Muhammad itu Pesuruh Allah, Mendirikan sembahyang, Membayar zakat, Menunaikan haji di Baitullah dan Puasa di bulan Ramadhan."<sup>1</sup>

Tuntutan pula bermaksud: suatu permintaan dengan mendesak supaya melakukan sesuatu.<sup>2</sup>

Pembentukan pula membawa maksud: satu perbuatan ataupun usaha.<sup>3</sup>

Peribadi bermaksud: sifat-sifat yang wujud pada diri seseorang ataupun watak seseorang.<sup>4</sup>

Muslim bermaksud: seorang Islam, juga orang yang menyelamatkan dan menjadi sejahtera, yang mematuhi suruhan Tuhan dan menjauhi larangannya.<sup>5</sup>

Muhammad bin Abdul Wahhab: merupakan tokoh kebangkitan Islam. Beliau adalah pengasas mazhab Wahabi di Saudi Arabia.<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Sahih Bukhari, Juz 1, Kitab Iman, bab 2, hal. 8.

<sup>2</sup> Dr. Teuku Iskandar, Kamus Dewan, Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, cetakan kedua, 1984, hal. 1305.

<sup>3</sup> Ibid, hal. 117.

<sup>4</sup> Ibid, hal. 872.

<sup>5</sup> Hj. Mohd Sanusi Hj. Mahmood, Kamus Istilah Islamiah, Kota Bharu, Syarikat Dian, 1976, hal. 113.

<sup>6</sup> Dr. Halim Hj. Mat Diah, Beberapa Masalah Ummah, ABIM, Kuala Lumpur, 1989, hal. 43.

Berdasarkan pengertian ringkas di atas, penulis dapat merumuskan masalah dan persoalan yang akan dibincangkan dalam kajian ilmiah ini seperti berikut :

- i. Pengenalan tentang Syahadah.
- ii. Muhamad bin 'Abdul Wahhab dan Konsep Syahadah.
- iii. Usaha-usaha Da'wah Yang Dijalankan Oleh Muhammad 'Abdul Wahhab.
- iv. Tuntutan dan Eesan Syahadah Dalam Pembentukan Peribadi Muslim.

### 1.3 METODE PENULISAN

Metodologi adalah bererti "ilmu tentang cara mengadakan penelitian".<sup>7</sup> Ia berasal dari bahasa Yunani "methods" yang bererti cara,<sup>8</sup> dan "logos" yang bererti ilmu. Jadi metodologi itu adalah bererti ilmu tentang cara. Dalam bidang penelitian ilmiah, metode adalah satu masalah yang amat penting kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian.<sup>9</sup>

<sup>7</sup> Imam Barnadib, Arti dan Metode Sejarah Pendidikan, Yayasan Penerbitan FIB-IKIP, Yogyakarta, 1982, hal. 51.

<sup>8</sup> Koentjaraningrat (Ed.), Metode-Metode Penelitian Masyarakat, Penerbit P.T. Gramedis, Jakarta, 1986, hal. 7.

<sup>9</sup> Ibid, hal. 8.

Dalam penelitian dan penulisan kertas projek ini, penulis telah menggunakan beberapa metode. Metode-metode itu dapat dibagi-kepada tiga jenis yaitu:

- i. Metode penentuan subjek.
- ii. Metode pengumpulan data.
- iii. Metode analisa data/penulisan.

#### 1. Metode Penentuan Subjek.

Dalam menentukan subjek pengkajian, penulis telah mengemukakan kehidupan masyarakat Islam di zaman Syaikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab, juga masyarakat Islam pada hari ini. Penulis juga menjelaskan sejauhmanakah keberkesanan da'wah Syaikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab juga tentang penghayatan masyarakat Islam pada hari ini. Penulis dapat membuat kesimpulan secara menyeluruh sekalipun tidak semua objek dapat dibuat penyelidikan.

#### 2. Metode Pengumpulan Data.

Dalam usaha pengumpulan data dalam penulisan ini, penulis telah menggunakan beberapa metode yaitu metode historis, metode dokumentasi dan metode observasi.

i. Metode Historis

Iaitu dengan membuat penyelidikan di atas perkara-perkara yang mengandungi perspektif sejarah.<sup>10</sup> Penggunaan metode historis dalam penulisan ilmiah ini, penulis lakukan dalam usaha mendapatkan data dalam riwayat hidup dan keperibadian Syekh Muhammad bin Abdul Wahhab juga tentang usaha da'wah yang dilakukan oleh beliau.

ii. Metode Dokumentasi

Ianya bererti cara pengumpulan data dengan membuat kajian terhadap dokumen dan bahan-bahan bertulis yang ada hubungannya dengan masalah yang dikaji.<sup>11</sup>

Metode ini penulis gunakan untuk mendapatkan bahan-bahan bagi definisi syahadah, latarbelakang Muhammad bin 'Abdul Wahhab, syarat-syarat syahadah, tuntutan dan kesan syahadah dalam kehidupan. Dokumen dokumen yang penulis gunakan ialah al-Quran, hadis Nabi s.a.w, buku-buku tafsir, buku-buku bacaan, majalah-majalah, akhbar dan bahan-bahan bertulis yang penulis fikirkan perlu.

---

<sup>10</sup> Dr. Sidi Gazalba, Pembimbing Latihan Ilmiah Dan Tesis, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1981, hal. 77.

<sup>11</sup> Dr. Abdul Halim Mat Diah, Satu Contoh Mengenai Huraian Metodologi, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1987, hal. 115.

iii. Metode Observasi.

Jaitu pemerhatian dan penelitian penulis serta pengalaman-pengalaman penulis tentang kesan-kesan syahadah dalam kehidupan. Penulis menggunakan metode ini dalam membuat kesimpulan kepada tajuk yang dibincangkan.

3. Metode Penafsiran dan Penulisan.

Dalam menganalisa data, penulis mengemukakan metode-metode induktif, metode deduktif dan metode komperatif.

i. Metode Induktif.

Metode Induktif bererti cara menganalisa data melalui pola pemikiran yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum.<sup>12</sup> Metode ini penulis gunakan dalam menyiapkan definisi-definisi syahadah dan juga syarat-syarat syahadah.

ii. Metode Deduktif.

Metode ini bererti cara menganalisa dan melakukan penulisan

---

<sup>12</sup>Imam Barnadib, op. cit, hal. 51.



yang berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian yang berpijak pada dalil umum terhadap hal-hal yang khusus.<sup>13</sup> Metode ini penulis gunakan dalam membuat kesimpulan dalam bab akhir.

### iii. Metode Komparatif.

Metode komparatif bererti cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan-perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi semasa membuat penelitian.<sup>14</sup>

Penulis mengemukakan metode ini dalam membuat perbandingan secara umum penghayatan syahadah di zaman Rasulullah s.a.w dan masyarakat pada hari ini.

Di dalam usaha untuk menyusun latihan ilmiah ini, penulis telah menggunakan beberapa buah perpustakaan, di antaranya:

- a. Perpustakaan Besar Universiti Malaya.
- b. Perpustakaan al-Malik Iaisal, Akedemi Islam Nilam Puri, Kota Bharu Kelantan.
- c. Perpustakaan Awam Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.

---

<sup>13</sup> Ibid, hal. 52.

<sup>14</sup> Ibid, hal. 136.

d. Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

#### 1.4 MASALAH KAJIAN.

Di dalam penulisan kajian ilmiah ini, penulis menghadapi beberapa masalah untuk menyelesaikannya. Masalah terbesar yang dihadapi oleh penulis ialah kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan tersebut banyak terdapat di Perpustakaan al-Malik Faisal, Illam Puri, sedangkan penulis tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menghasilkan satu kajian yang benar-benar bermutu.

Di samping itu penulis juga menghadapi kesuntukan masa bagi menyiapkan latihan ini secara ilmiah. Walaubagaimanapun penulis bersyukur kepada Allah kerana dengan izin dan rahmatNya, penulis dapat menyiapkan latihan ilmiah ini walaupun terpaksa menghadapi dugaan dan rintangan.